

09/07/2003

Kedah bangkit, Perak kian gayat di puncak

Saufi Hamzah; Mohd Zin Ali; Bashah Zainol Abidin; Nazri Abu Bakar; PERAK mengundang masalah besar pada detik penting mempertahankan mahkota mereka selepas kecundang kepada Johor FC 2-0 malam tadi - satu keputusan yang sebaliknya memulihkan semangat Kedah tampil menghimpit mereka selepas mengutip mata berharga menundukkan Perlis, juga dengan angka jaringan sama di Alor Star.

Sekalipun masih mendahului carta liga, Perak tertekan selepas bermain lebih satu perlawanan berbanding skuad Hijau Kuning yang boleh menyamakan kedudukan himpunan mata jika menang perlawanan berikut dengan baki tiga perlawanan.

Bekas juara liga dan juara bertahan Piala Malaysia, Selangor terus menanggung derita di halaman sendiri selepas kecundang 1-2 kepada Pahang untuk menempah kekalahan ke-11 daripada jumlah 21 perlawanan, musim ini.

* Di Stadium Pasir Gudang, Johor FC melambatkan hajat pelawat apabila menundukkan pendahulu liga, Perak 2-0 dalam satu perlawanan seimbang.

Bagaimanapun, skuad Lebah yang beraksi cemerlang mendapat gol pertama apabila rembatan bola deras pelatih skuad kebangsaan, Eddy Helmi Manan berjaya mencecah jaring yang gagal diselamatkan penjaga gol Perak, Mohd Hamsani Ahmad pada minit ke-33.

Johor FC menambah derita Perak apabila hantaran menyilang Eddy Helmi ditanduk Idris Karim sebelum disambung dengan tandukan kencang Hairry Azly

Mahamad mencecah jaring gawang lawan untuk menceriakan kira-kira 4,000 penyokong skuad Lebah pada minit ke-65.

* Di Stadium Darulaman, anak buah Jorgen E Larsen kembali ke landasan kemenangan selepas menewaskan pasukan tetangga, Perlis 2-0 dalam saingan yang amat penting bagi survival kedua-dua pasukan mengejar impian memburu gelaran liga.

Amirulnizam Mahathir membuka tirai jaringan seawal minit ketiga sebaik sepakan percuma G Shanmugan.

Fauzi Nan melebarkan kemenangan Kedah menjadikan kedudukan 2-0 apabila menanduk bola hasil sepakan sudut Kit Kong minit ke-27.

* Di Stadium Sultan Mohd IV, Kelantan hanya berpuas hati seri 2-2 dengan

Telekom Melaka - satu perlawanan yang kian menerbitkan realiti peluang layak automatik ke Liga Super tahun depan semakin pudar.

Gol Kelantan dijaringkan Fatrulrazi Rozi minit ke-10 dan Akmal Ahmad Tabrani (minit ke-18). Manakala Hardi Jaafar menjaringkan gol pada minit ke-26 Telekom Melaka dan Shahrul Ezrain minit ke-50.

* Di Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang menewaskan Sabah 2-1 untuk menguatkan peluang hadir dalam kelompok enam teratas bagi kelayakan automatik ke Liga Super 2004.

Tuan rumah mendahului minit ke-37 hasil jaringan Gustavo Alberto Romero

yang menyudahkan tapi Sabah kembali menyamakan kedudukan seminit selepas

babak kedua bermula hasil jaringan Robert Mark Gaspar.

Apapun, Romero yang lincah dalam gempuran mengesahkan mata penuh milik skuad Harimau Kumbang dengan gol kemenangan minit ke-82.

* Di Stadium Shah Alam, malang Selangor berterusan apabila Pahang menambah derita lawan itu dengan kemenangan 2-1.

Pelawat selesa mendahului 2-0 hasil jaringan Fadzli Shaari pada minit kelima dan Azizul Kamaluddin pada minit ke-43.

Selepas rehat, tuan rumah pimpinan Ken Worden kembali memberi saingan dan berjaya merapatkan jurang dengan jaringan Jaafar Salleh minit ke-69 tapi segala usaha berikut mencapai jalan buntu apabila Pahang memusatkan tumpuan untuk mempertahankan kedudukan sehingga wisel penamat.

* Di Stadium Hang Tuah, Melaka menyerlah menewaskan Terengganu 3-0 dalam

perlawanan membabitkan dua pasukan tercorot liga.

Tuan rumah mendahului selesa pada babak pertama menerusi jaringan Sufian

Shamsu Bari minit ke-17 dan 38 serta Emir Dzefic (m-40) tapi gagal